

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Setempat

Tunai haji percuma

1MDB dengan kerjasama Tabung Haji taja 400 imam, pengerusi JKKK ke Tanah Suci

Hayati Ibrahim

PUTRAJAYA: Seramai 400 peserta terdiri daripada imam dan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) seluruh negara berpeluang mengerjakan ibadat haji percuma menerusi program khas tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dianjurkan buat tahun kedua, program yang turut mendapat kerjasama Tabung Haji (TH) itu bertujuan menghargai jasa dan sumbangan golongan berkenaan yang memainkan peranan cukup besar dalam aktiviti dan urusan kemasyarakatan di dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, keputusan menghantar imam dan JKKK adalah amat tepat dan wajar kerana peranan dimainkan mereka membolehkan sebahagian besar keperluan masyarakat dapat

disempurnakan dengan baik.

Menurutnya, beliau mula memasang niat mencari jalan bagi membolehkan golongan terbabit dapat menunaikan fardu haji secara percuma sejak mula menerajui pentadbiran negara.

"Alhamdulillah, niat ini menjadi kenyataan bermula pada tahun lalu apabila 111 imam dan pengerusi JKKK sampai ke Tanah Suci untuk menunaikan fardu haji masing-masing dan selepas melihat betapa besarnya impact program ini saya berniat kalau ada rezeki lebih kita lonjakkan jumlahnya, akhirnya kita dapat mengumpulkan 400 peserta tahun ini.

"Saya harap mereka yang terpilih hari ini (semalam) dapat berdoa di Tanah Suci untuk negara, kesempurnaan, kejayaan negara, umat Islam dan warga negara Ma-

laysia lain, supaya negara terus berjaya dan kita tereslamat serta mendapat rahmat di dunia dan akhirat," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan 400 surat tawaran menunaikan haji 1434H/2012, Program Khas Haji Tajaan Yayasan 1MDB di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan surat tawaran dan kelengkapan mengerjakan haji kepada semua peserta iaitu sepasang kain ihram dan kelengkapan lain.

Melalui program itu, Yayasan 1MDBM membiayai kos RM4 juta, manakala TH RM2 juta, membabitkan semua kos bakal jemaah haji, termasuk tiket penerba-

ngan dan tempat penginapan.

Najib berkata, beliau juga amat tersentuh apabila mengetahui ada sesetengah mereka yang mendapat tawaran berkenaan tahun lalu mempunyai sumber kewangan terhad, sehingga membataskan mereka menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Ada di kalangan mereka yang hanya mempunyai tabung minimum RM10 dalam akaun Tabung Haji, ada juga dah lupa berapa banyak dalam akaun, tidak kurang juga sudah hilang buku simpanannya.

"Semua ini menyedarkan saya, kalau kita dapat mencari rezeki melalui kepimpinan dan pentadbiran untuk menjana kekayaan serta pendapatan, amat wajar sebahagian daripada itu digunakan untuk tujuan yang sangat baik dan mulia ini," katanya.

'Terkejut terima khabar gembira'

PUTRAJAYA: "Secara peribadi saya terkejut dan saya pasti kawan lain pun begitu juga apabila mendapat khabar gembira ini, dan bersyukur kepada Allah," kata seorang imam dari Shah Alam, Selangor, Jalaludin Mat Jali, 53, mengenai peluang menunaikan haji menerusi program khas tajaan Yayasan

1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurutnya, peluang menunaikan haji percuma yang dilaksanakan kerajaan itu tidak mungkin diperolehi umat Islam di negara lain, kecuali di Malaysia.

Katanya, program seumpama itu juga amat besar ertinya, memandangkan tidak semua

berkemampuan ke Tanah Suci disebabkan beberapa kekangan termasuk kewangan dan masalah mendapat tempat.


"Mungkin ada di kalangan kami di sini sangat berhajat menunaikan haji, tetapi tidak kesampaian disebabkan beberapa masalah.

"Dengan adanya program

khas haji ini, akhirnya cita-cita dan hasrat kami mengerjakan haji diimpikan selama ini tercapai," katanya ketika berucap mewakili imam serta pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) seluruh negara pada Program Khas Haji Tajaan Yayasan 1MDB, semalam.

Harian METRO

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	setempat



TAHNIAH...Najib bersalam dengan bakal haji yang terpilih dalam program tajaan haji, semalam.